

Novel *Profesor* Karya Faisal Tehrani dari Aspek Analisis Oksidentalisme

Abu Seman Mat Karim¹

Universiti Utara Malaysia.

ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bagi menganalisis novel *Profesor* (2017) karya Faisal Tehrani dengan menggunakan model oksidentalisme yang diperkenalkan oleh Hassan Hanafi (1999). Kajian ini bertujuan untuk melihat dan menganalisis pemikiran Faisal Tehrani melalui novel *Profesor* menggunakan model oksidentalisme. Penggunaan model oksidentalisme di dalam kajian ini dapat melihat bagaimana sikap dan pemikiran penulis-penulis khususnya Faisal Tehrani di dalam mengangkat budaya, pemikiran, dan ketamadunan bagi masyarakat timur agar seiring dengan masyarakat barat melalui bidang penulisan. Hal ini dapat dianalisis melalui saranan Model Oksidentalisme Hassan Hanafi melalui sikap terhadap tradisi lama, sikap terhadap tradisi barat dan sikap terhadap realiti semasa yang wujud di dalam novel *Profesor* karya Faisal Tehrani. Seterusnya, kajian ini juga melihat dan menganalisis pemikiran Faisal Tehrani melalui novel *Profesor* yang dilihat sangat cenderung dan menyokong isu-isu berkaitan hak asasi manusia termasuk Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT). Novel ini juga merupakan suatu kelainan bagi peminat-peminat novel Faisal Tehrani kerana novel ini menggunakan genre novel indie dan fixi. Ini kerana kajian ini telah memberikan sudut pandangan kedua bagi pemikiran Faisal Tehrani di dalam isu-isu yang cuba diketengahkan. Hasil analisis terhadap novel *Profesor* karya Faisal Tehrani membolehkan kita memahami pemikiran dan isu berkaitan hak asasi manusia khususnya LGBT dengan lebih adil berasaskan fakta dan hujah-hujah yang kukuh dan mantap. Selain itu, kajian ini juga mendapati pemikiran masyarakat timur terutamanya orang Melayu masih lagi tebal dengan dinding pemisah (mental block) terhadap realiti kehidupan masa kini dan global yang mengiktiraf hak-hak asasi manusia seperti yang disyorkan oleh United Nations: The Universal Declaration of Human Right (UDHR).*

Kata Kunci: Oksidentalisme, LGBT, Hak Asasi Manusia, Pemikiran, Fixi.

ABSTRACT

*This was carried out to analysed the novel *Profesor* (2017) written by Faisal Tehrani with the used oxidentalisme model by Hassan Hanafi (1999). The research was carried out to see and analysed the thinking style of Faisal Tehrani beased on his novel *Profesor* by using this model. The used of oxidentalisme in this research is to enable us to see how behaviour thinking method of the writers especially Faisal Tehrani in the order to thinking, culture, civilization and many more in the western community through his writing. This could be seen through the suggestion of oxidentalisme by Hassan Hanafi which looking in to the old traditions our behaviour against the western tradition and our behaviour against the nowday reality based on the novel. Furthermore, the research was also to see all analysed the way Faisal Tehrani thought which was sean as focusing and seconding the human right like lesbian, gay, bisexual and transgender (LGBT). It is one of the differeces found in his novel (indie & fixi genre). It gave us the second taught on this issue discussed. Based on the analysis, we are able to understand the thought and issues about the human rights and LGBT based on strong facts and arguements. Through the novel, we are also enable to see the way of the easten community especially the Malays thinking. The Malays is seen as a typical group with some mental block against the reality life of today and also the global issue of the human rights suggested by Universal Declaration of Human Rights (UDHR).*

¹Emel: cikgunelayan@gmail.com

Keyword: Oksidentalisme, LGBT, Human Right, Thinking, Fixi.

PENGENALAN

Dewasa ini dunia penulisan novel Malaysia menyaksikan fenomena baharu di mana penghasilan novel-novel kontemporari dan klasik di pasaran bersaing hebat dengan novel-novel *fixi* dan *indie*. Hal ini mungkin disebabkan oleh permintaan yang semakin menurun dan minat para penulis yang semakin kurang bagi menghasilkan buku atau novel kontemporari dan klasik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Namun begitu, di sebalik kurangnya penghasilan novel kontemporari dan klasik muncul novel-novel baharu yang dihasilkan oleh para penulis buku dan novel era baharu yang lebih dikenali sebagai novel *indie* dan novel *fixi* di pasaran.

Penerbitan novel di bawah jenama Buku Fixi dan penghasilan novel-novel *fixi* sebenarnya telah lama wujud. Novel-novel genre *fixi* dan *indie* telah banyak di pasaran bagi memenuhi minta membaca khalayak selaras dengan gesaan kerajaan agar masyarakat perlu meningkatkan bilangan buku yang dibaca. Hal ini disebabkan oleh kajian yang dibuat oleh Perpustakaan Negara Malaysia (2005) mendapati purata rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun. Namun begitu, purata buku yang dibaca meningkat kepada lapan pada tahun 2010 dan 15 buah buku pada tahun 2015. Data pada tahun 2005 ini sangat mengejutkan memandangkan negara ini bercita-cita menjadi sebuah negara yang maju tetapi mempunyai rakyat yang sangat kurang membaca buku. Di saat minat khalayak pembaca yang sederhana dan penerbitan novel yang semakin menjunam, muncul penerbitan novel-novel *fixi* yang merencanakan semula keadaan. Sebenarnya, kemunculan novel *fixi* ini dicituskan oleh minat pembaca generasi baharu terhadap penerbitan buku-buku *fixi* dan *indie* bagi membolehkan purata buku yang dibaca oleh masyarakat Malaysia meningkat secara mendadak terutamanya di kalangan golongan muda.

Sejarah kewujudan novel *fixi* bermula apabila pengasas Buku Fixi Sdn. Bhd. iaitu Amir Muhammad ingin menubuhkan syarikat penerbitan buku baharu. Menurut Amir Muhammad (2011) beliau amat tertarik dengan perkataan *fiksi* di dalam bahasa Indonesia yang diambil dari bahasa Inggeris iaitu *fiksiyen*. Disebabkan perkataan *fiksi* di dalam bahasa Indonesia yang terlalu generik beliau telah menukarkan perkataan tersebut kepada '*fixi*' sahaja. Ini kerana perkataan *fixi* mempunyai sebutan yang sama dengan *fiksi* tetapi mempunyai ejaan yang lebih ringkas dan padat serta makna yang serupa. Manakala buku *fixi* pula berkaitan dengan syarikat Buku Fixi Sdn. Bhd. yang menerbitkan buku-buku *fixi* yang biasanya mempunyai ciri-ciri seperti purata 60,000 patah perkataan (supaya ketebalan buku yang dihasilkan sekitar 300 muka surat), bertemakan urban dan kontemporari, menggunakan bahasa slanga dan celupar (digalakkan tapi tidak dimestikan). Selain itu, ciri-ciri tambahan novel *fixi* ialah bertemakan *noir*, *thriller*, cinta empat segi, *cyber-punk* dan sebagainya dengan tajuk mesti hanya satu patah perkataan dan kulit buku berwarna gelap dan *saturated*.

Novel *Profesor* merupakan novel genre *fixi* terbaharu karya Faisal Tehrani (2017). Novel ini dikatakan sebagai novel *fixi* bukan semata-mata disebabkan novel ini diterbitkan oleh penerbitan Buku Fixi Sdn. Bhd. Hal ini kerana novel *Profesor* sememangnya menepati hampir kesemua ciri-ciri yang disenaraikan bagi penghasilan sebuah novel *fixi* iaitu menepati bilangan patah perkataan dan muka surat. Novel *Profesor* setebal 371 muka surat, kulit novel berwarna gelap iaitu hitam dan tajuk hanya satu patah perkataan iaitu *Profesor*, serta penggunaan bahasa slanga, celupar, bertemakan cinta empat segi dan sebagainya yang mencirikan novel ini sebagai sebuah novel *fixi*.

Pemilihan novel *Profesor* untuk dikaji bukan sahaja disebabkan penulisan genre *fixi* yang menjadi pilihan Faisal Tehrani bagi penerbitan novel terkini beliau. Novel ini dipilih kerana keberanian Faisal Tehrani membicarakan permasalahan dan isu hak asasi manusia khususnya *lesbian*, *gay*, *bisexual* dan *transgender* (LGBT) secara terbuka menggunakan medium penulisan novel. Menurut

Syed Azharul Asriq (2017) golongan LGBT merupakan golongan di mana lelaki menyukai lelaki, lelaki tua menyukai lelaki muda dengan kitaran yang sama mewujudkan komuniti gay yang terawal. Manakala golongan wanita yang tidak diperdulikan golongan lelaki pula telah mewujudkan komuniti yang menyukai sesama wanita yang dipanggil lesbian.

PERMASALAHAN KAJIAN

Novel-novel *fixi* seperti yang kita sedia maklum mempunyai ciri-ciri tertentu yang ketara perbezaannya berbanding dengan novel-novel kontemporari, fiksyen, cinta, dan biasa. Jelas bahawa novel *fixi* dihasilkan mengikut kerangka yang tersendiri tanpa tapisan dan penulis di beri kebebasan terutamanya dari sudut penggunaan bahasa oleh penerbit agar novel yang terhasil mematuhi piawai yang telah ditetapkan. Namun, pendekatan ini sebenarnya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada khalayak pembaca. Novel *fixi* juga telah mengambil tempat dan berjaya menarik minat khalayak pembaca dengan penerbitan novel-novel genre ini yang begitu konsisten dan banyak di pasaran. Pertambahan bilangan penulis dan penerbitan novel-novel *fixi* pada masa kini ibarat 'cendawan tumbuh selepas hujan'. Hal ini selaras dengan pernyataan pengasas dan penerbit Buku Fixi Sdn. Bhd.

Fenomena kebanjiran novel-novel *fixi* dan *indie* dan penghasilan novel genre *fixi* melibatkan penulis prolific dan terkenal tanah air seperti Faisal Tehrani telah mendorong pengkaji untuk mengkaji dan menganalisis fenomena yang berlaku ini. Beberapa buah novel karya beliau turut memiliki ciri-ciri novel *fixi*. Malahan ada di antara novel-novel tersebut diterbitkan oleh penerbitan Buku Fixi Sdn. Bhd. itu sendiri. Antara novel karya Faisal Tehrani yang dikategorikan sebagai novel genre *fixi* ialah *Profesor* yang sarat dengan kritikan sosial terhadap masyarakat yang dilakukan secara bersahaja tetapi padat dengan fakta dan jalan cerita yang menarik.

Permasalahan kajian wujud apabila Faisal Tehrani selaku seorang penulis prolific yang tersohor pada masa sekarang telah memilih medium baharu untuk penerbitan buku dan novelnya. Selaku nama besar di dalam bidang penulisan novel di Malaysia dan sejumlah besar anugerah yang telah beliau telah terima, Faisal Tehrani sewajarnya tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan penerbit bagi menerbitkan buku-buku atau novel-novel hasil buah tangan beliau. Oleh itu, novel *Profesor* yang diterbitkan oleh Buku Fixi Sdn. Bhd. yang tergolong di dalam novel genre *fixi* mempunyai sesuatu yang perlu diberi perhatian. Ini kerana beliau bukan seorang pendatang baharu di dalam dunia penulisan novel yang perlu batu loncatan dengan menumpang populariti jenama Buku Fixi. Malahan tidak salah dikatakan bahawa nama Faisal Tehrani itu sendiri merupakan satu jenama yang tersendiri dari sudut penulisan novel-novel yang bersifat kontroversi.

Selain itu, pemilihan genre *fixi* oleh Faisal Tehrani bagi novel *Profesor* juga dilihat sebagai sesuatu yang boleh dikaitkan dengan permasalahan kajian. Ini kerana genre *fixi* merupakan genre yang sangat bertentangan dengan genre penulisan beliau sebelum-sebelum ini. Faisal Tehrani biasanya menghasilkan buku atau novel yang sarat dengan isu dan fakta situasi semasa dan kritikan kepada pihak-pihak tertentu dan pada masa yang sama cuba untuk mempromosikan fahaman Syiah. Buku-buku beliau amat dinanti-nantikan oleh peminat beliau dan pihak-pihak tertentu yang cuba mendalami pemikiran beliau. Sedangkan novel genre *fixi* bukan novel berat yang hanya dibaca oleh khalayak tertentu sahaja terutamanya golongan remaja. Pemilihan genre *fixi* oleh Faisal Tehrani merupakan sesuatu yang amat unik untuk dikaji. Ada pendapat yang mengatakan bahawa novel *Profesor* yang bergenre *fixi* merupakan satu titik tolak pada diri Faisal Tehrani dalam penghasilan novel-novel baharu beliau.

Hal ini bersamaan dengan apa yang pernah berlaku kepada Sasterawan Negara (SN) Datuk Shahnnon Ahmad. SN Datuk Shahnnon Ahmad juga menghadapi peralihan di dalam penulisan beliau beliau lewat karya-karya beliau seperti *Tivi* dan *Srengge*. Khalayak pada masa tersebut

telah mendapati karya-karya SN Datuk Shahnnon Ahmad telah cenderung kepada perbincangan masalah seks secara terbuka sedangkan SN Datuk Shahnnon Ahmad terkenal sebagai penulis yang mengangkat permasalahan sosial ekonomi masyarakat seperti karya beliau *Ranjau Sepanjang Jalan*.

Penghasilan novel-novel *fixi* sebenarnya masih lagi tidak mendapat perhatian syarikat penerbit-penerbit buku besar yang lain. Ini kerana pandangan dan stigma masyarakat tentang novel *fixi* sebelum ini. Novel *Profesor* telah berjaya mengubah pandangan masyarakat terhadap novel-novel *fixi*. Ini kerana novel *Profesor* karya Faisal Tehrani ini bukan sahaja memiliki kriteria-kriteria sebagai sebuah novel *fixi* tetapi sangat berkualiti dari segi jalan penceritaan, ilmu pengetahuan dan pemikiran yang ingin disampaikan. Penghasilan novel *Profesor* oleh Faisal Tehrani juga boleh dilihat sebagai satu percubaaan yang baik bagi seseorang yang mempunyai nama di dalam bidang penulisan bagi membantu para penulis lain yang bernaung di bawah jenama Buku Fixi. Ini kerana, apabila Faisal Tehrani turut menghasilkan buku di bawah jenama ini, maka masyarakat akan mula memberi perhatian terhadap jenama tersebut. Secara tidak langsung banyak pihak mendapat manfaat dan kebaikan bersama.

KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian dan pemerhatian, kajian ini mempunyai kepentingan kepada dua pihak utama iaitu pihak penulis novel dan juga pihak masyarakat (pembaca atau khalayak umum). Kebiasaannya, novel *fixi* jarang untuk mengangkat tema berat seperti LGBT dan hak asasi manusia seperti yang terkandung di dalam novel *Profesor*. Namun, buah tangan Faisal Tehrani ini dilihat telah menjadikan novel *fixi* sebagai wardah atau medan baharu untuk para penulis mengenengahkan isu, realiti dan permasalahan masyarakat.

Novel-novel genre *indie* dan *fixi* seperti ini juga dilihat mempunyai kemampuan dan kekuatan untuk melahirkan penulis-penulis yang hebat dalam menjadi lidah dan juru bicara masyarakat seperti penulis-penulis novel terdahulu. Kita telah melihat bagaimana penulis-penulis novel terdahulu seperti Keris Mas, Usman Awang, A. Samad Said, S. Othman Kelantan, Pak Sako dan Shahnnon Ahmad telah menjadi hero masyarakat pada zaman mereka melalui pena dan penulisan mereka yang mengangkat realiti kehidupan masyarakat, kritikan sosial dan sebagainya. Antara novel-novel tersebut ialah *Rimba Harapan* (1986), *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), *Salina* (1961), *Anak Angin Timur Laut* (1969) dan *Anak Mat Lela Gila* (1966). Menurut Nor Hasimah Ismail dan Melor Fauzita Md. Yusoff (2016) pada tahun 1960-an banyak novel berunsur politik, sosio ekonomi dan sosio budaya ditulis. Hal ini memperlihatkan kejaguan novelis zaman tersebut membicarakan isu masyarakat di samping memberi semangat kepada masyarakat untuk terus menentang penjajah, memerdekakan tanah air dan mengisi kemerdekaan negara.

Kajian ini juga penting bagi melihat kesan novel ini kepada khalayak pembaca, masyarakat dan negara. Sebagai contoh, novel ini telah memberi sudut pandangan berbeza terhadap golongan minoriti LGBT. Sememangnya isu LGBT merupakan sesuatu yang sangat sensitif, memalukan dan memualkan untuk dibicara lebih-lebih lagi secara terbuka. Ia sejajar dengan pandangan teori orientalis yang melihat masyarakat timur sangat tertutup, konservatif dan sebagainya. Namun, novel *Profesor* telah menyanggah teori ini dengan memperlihatkan bagaimana masyarakat timur juga mempunyai pandangan yang berbeza terhadap isu LGBT dengan mempamerkan keprihatinan masyarakat terhadap golongan minoriti LGBT dan isu-isu hak asasi manusia yang lain. Hal ini menurut Adian Husaini (2015) seperti yang disarankan oksidentalisme yang mahukan nilai-nilai agama yang bertentangan dengan nilai-nilai keagamaan harus diubah.

Kajian ini juga dilihat sangat berguna untuk pihak-pihak yang berautoriti untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang. Hal ini kerana, analisis-analisis yang dibuat melalui kajian ini membayangkan bagaimana sudah wujud sudut pandangan yang berbeza oleh segelintir

masyarakat terhadap isu-isu semasa seperti LGBT dan hak asasi manusia. Teori lama iaitu teori orientalis telah menyatakan bahawa masyarakat timur sangat pasif, konservatif dan tertutup telah mulai disanggah. Masyarakat timur telah dilihat semakin terbuka walaupun dalam isu LGBT dan hak asasi manusia seperti yang menjadi tema dan jalan cerita novel *Profesor*.

Pihak berkuasa perlu melihat dan mengkaji semula undang-undang serta penguatkuasaan undang-undang berkaitan isu ini sekiranya pemikiran masyarakat kelak boleh bersetuju atau menyokong pandangan dan pemikiran penulis dalam novel *Profesor*. Ini penting sebagai langkah pencegahan yang sesuai dan pada masa yang sama tidak meminggirkan hak-hak golongan minoriti kerana sebagai warganegara semua rakyat mempunyai hak-hak yang sama rata di sisi undang-undang terutamanya undang-undang tertinggi negara sebagaimana yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan (2015) di bawah Perkara 8: Kesamarataan.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan Model Oksidentalisme Hassan Hanafi, yang dicetuskan oleh Hassan Hanafi (2000) sebagai jawapan kepada orientalis barat. Bagi Hassan Hanafi, pandangan dan kritikan orientalis barat perlu ditangkis dan ditangani dengan teori dan bukan dengan peperangan. Sebagaimana orientalis barat menakluki dan menjajah negara-negara di timur dengan teori orientalis, maka negara-negara di timur perlu menangkis dan menangani orientalis barat dengan menggunakan Teori Oksidentalisme. Oleh itu, Hassan Hanafi telah menganjurkan tiga kerangka atau pendekatan bagi menangkis orientalis melalui sikap terhadap tradisi lama, sikap terhadap tradisi barat dan sikap terhadap realiti. Kajian ini akan melihat bagaimana Teori Oksidentalisme dapat menangkis pandangan barat terhadap timur dan mengangkat budaya, pemikiran dan tamadun timur berbanding barat melalui penghasilan novel *Profesor* karya Faisal Tehrani.

Seterusnya, batasan kajian terhadap novel *Profesor* karya Faisal Tehrani ini akan hanya terhad terhadap sikap terhadap tradisi lama di dalam novel, sikap terhadap tradisi barat di dalam novel dan sikap terhadap realiti semasa terhadap novel ini. Selain itu, kajian ini juga hanya terhad kepada novel *Profesor* karya Faisal Tehrani sahaja. Hal ini kerana kajian mahu menumpukan kepada pemikiran oksidentalisme yang ada pada novel *Profesor* dan pemikiran Faisal Tehrani terhadap novel beliau yang terdahulu yang mempunyai pemikiran yang hampir sama dengan novel *Profesor* seperti *Tuhan Manusia* (2007) yang dilihat mempunyai sedikit kesinambungan. Batasan ini penting supaya kajian yang dibuat ini tidak tersasar dan berada di dalam skop dan ruang litup yang sewajarnya sahaja. Pemikiran Faisal Tehrani berkaitan isu hak asasi manusia sememangnya banyak di dalam karya-karya beliau. Namun, pemikiran yang berfokus kepada isu LGBT hanya dapat dilihat pada novel *Profesor* walaupun Faisal Tehrani juga terkenal dengan sikapnya yang bersimpati dengan golongan minoriti di dalam novel-novel beliau yang terdahulu.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah yang digunakan bagi mengkaji novel *Profesor* ialah kaedah kualitatif. Kaedah ini dilihat paling sesuai digunakan bagi mengkaji dan menganalisis novel tersebut. Melalui kaedah ini, analisis dapat dibuat dengan mengkaji secara keseluruhan atau holistic terhadap pemikiran dan idea yang terdapat di dalam novel *Profesor*. Kaedah kajian kualitatif ini juga telah membantu dan memudahkan tugas pengkaji kerana kajian dapat dibuat secara umum bagi melihat pemikiran penulis iaitu Faisal Tehrani dan model oksidentalisme yang digunakan terhadap novel *Profesor* itu sendiri. Seterusnya, kajian secara kualitatif di dalam novel *Profesor* menggunakan Teori Oksidentalisme. Untuk itu, pengkaji akan mengkaji dengan memberi fokus kepada kerangka kajian seperti di dalam teori iaitu sikap kita terhadap tradisi lama, sikap kita terhadap barat dan sikap kita terhadap realiti.

Berdasarkan kerangka (**Lampiran 1**) Teori Oksidentalisme Hassan Hanafi (2000) ini merupakan satu model kerangka kajian bagi mengkaji penulisan-penulisan yang mengangkat karya-karya penulis timur bagi bersaing dengan barat yang menggunakan Teori Orientalisme. Penerangan tentang teori ini dapat dibuat berdasarkan Rajah 1: Kerangka Teori Oksidentalisme Hassan Hanafi yang bermula dengan Tradisi dan Pembaharuan. Menurut Hassan Hanafi lagi, tradisi dan pembaharuan merupakan elemen utama yang perlu ada pada masyarakat. Hal ini kerana masyarakat perlu mempertahankan tradisi dan pada masa yang sama bergerak seiring dengan pembaharuan. Di bawah tradisi dan pembaharuan, wujud pula tiga elemen sikap iaitu sikap terhadap tradisi lama, sikap terhadap tradisi barat dan sikap terhadap realiti.

Sikap masyarakat terhadap tradisi lama di dalam penulisan bermaksud usaha, perbuatan dan pernyataan kita bagi mempertahankan apa jua perkara yang melibatkan tradisi dan pegangan yang telah sekian lama wujud di dalam masyarakat. Pada kebiasaannya, sikap terhadap tradisi lama di dalam penulisan merujuk kepada sikap penulis yang mencerminkan pegangan agama (Islam) dan kepatuhan terhadap budaya dan tradisi masyarakat timur khususnya budaya Melayu dalam konteks novel *Profesor* karya Faisal Tehrani. Sikap terhadap tradisi lama sangat perlu di dalam apa jua penulisan bagi memperlihatkan jati diri sesuatu bangsa di samping rasa hormat dan pegangan yang kuat terhadap agama, budaya dan kepercayaan yang disalurkan oleh penulis melalui penulisan.

Sikap terhadap tradisi lama biasanya melibatkan perkara-perkara yang sangat sensitif seperti kehidupan beragama. Masyarakat Melayu misalnya secara tradisi akan menganuti agama Islam sejak dari lahir. Hal ini berlaku disebabkan bahawa masyarakat Melayu sejak kedatangan Islam di Tanah Melayu telah menganuti agama Islam. Mereka juga tidak dapat menerima perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh agama Islam terutamanya murtad atau keluar daripada ajaran agama Islam. Bukan tidak ada orang Melayu yang murtad, tetapi perbuatan tersebut tidak dihebohkan kerana keadaan masyarakat Melayu yang tidak dapat menerima hakikat perbuatan tersebut berlaku di kalangan orang-orang Melayu.

Ini diikuti pula dengan sikap masyarakat terhadap tradisi barat. Sikap terhadap tradisi barat menurut teori ini ialah bagaimana kita menerima dan menyerap tradisi-tradisi barat. Walaupun tujuan pengenalan teori oksidentalisme jelas untuk bersaing dengan teori orientalisme namun banyak juga kebaikan dari tamadun barat yang telah diterima dan digunakan dalam kehidupan masyarakat timur. Sikap terhadap tradisi barat juga dapat menjelaskan bagaimana masyarakat timur yang telah dijajah ratusan tahun dahulu telah menerima beberapa perkara yang menjadi amalan masyarakat barat. Terdapat juga amalan dan tradisi yang kononnya dibawa dari barat tetapi sebenarnya merupakan amalan dan tradisi masyarakat timur yang lebih awal mengamalkannya. Hal ini banyak dikemukakan dalam novel *Profesor* secara tidak langsung oleh penulis.

Sikap terhadap tradisi barat biasanya berkaitan dengan kehidupan moden dan penerimaan amalan serta budaya barat di dalam kehidupan harian. Hal ini menjadi suatu kelaziman kerana kebanyakan negara-negara timur telah dijajah oleh barat selama ratusan tahun dan terdapatnya budaya dan amalan barat yang telah diserap di dalam kehidupan. Antaranya ialah penghapusan amalan perhambaan. Walaupun masyarakat Melayu tidak begitu mengamalkan perhambaan tetapi terdapat segelintir pembesar Melayu yang memiliki hamba. Penjajahan Inggeris antara lain telah cuba untuk memansuhkan amalan perhambaan dalam kalangan pembesar Melayu seperti yang berlaku di antara residen Inggeris di Perak dengan pembesar Melayu di sana.

Seterusnya, rajah satu juga cuba untuk menjelaskan tentang sikap masyarakat terhadap realiti semasa. Berdasarkan kerangka kajian yang diperkenalkan oleh Hassan Hanafi ini, sikap terhadap realiti semasa bermaksud penerimaan masyarakat terhadap apa yang berlaku pada masa sekarang. Sikap masyarakat pada masa sekarang mungkin agak berbeza dengan apa yang dipegang sebelum ini. Sebagai contoh, pandangan terhadap sikap dan perbuatan Hang Jebat yang

menderhaka kepada sultan Melaka 500 tahun dahulu telah berubah kerana masyarakat kini beranggapan bahawa Hang Jebat ialah pahlawan dan wira sebenar, manakala sultan seorang yang zalim dan Hang Tuah sebagai seorang yang setia membuta tuli.

Pandangan yang berbeza terhadap realiti semasa juga dapat dilihat melalui sebab berlakunya penjajahan kuasa-kuasa barat ke timur. Sebelum ini, para penjajah memberikan alasan penjajahan disebabkan ingin membawa tamadun dan pembaharuan kepada masyarakat di timur. Namun begitu, hakikat sebenar dan menjadi realiti semasa ialah tujuan penjajahan ialah untuk membolot kekayaan negara-negara di timur di samping percubaan untuk mengembangkan agama Kristian.

Perubahan dan perbezaan ini yang menjadi asas kepada sikap kita terhadap realiti semasa. Kebiasaannya penulis akan cenderung itu berubah mengikut peredaran zaman. Penulis akan menghasilkan penulisan yang berlaku pada zamannya. Hal ini secara tidak langsung merujuk perubahan dan perbezaan yang berlaku pada diri penulis kepada sikap terhadap realiti semasa sebagaimana yang dikemukakan oleh Hassan Hanafi di dalam teorinya.

BAHAN KAJIAN

Biodata Faisal Tehrani

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada lama Wikipedia (2018), Faisal Tehrani atau nama sebenarnya ialah Mohd. Faisal bin Musa dilahirkan pada 7 Ogos 1974 di Kuala Lumpur. Beliau mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Sacred Heart Melaka, kemudian di Sekolah Rendah Jalan Dato' Palembang. Faisal seterusnya menyambung pengajiannya di Sekolah Menengah Sultan Muhammad sehingga Tingkatan Tiga dan berjaya mendapat keputusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) yang cemerlang. Sehubungan dengan itu, beliau dapat melanjutkan pembelajarannya ke peringkat menengah atas di Kolej Islam Klang (Kolej Islam Sultan Alam Shah) sehingga ke Tingkatan Enam.

Seterusnya beliau telah melanjutkan pelajaran tinggi dan lulus dalam Ijazah Sarjana Muda Syariah-Politik di Universiti Malaya (1998), Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Sains Malaysia (2000) dan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2010). Beliau kini bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebagai Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu bidang kajian beliau ialah mengenai Minoriti Syiah di alam Melayu. Penyelidikan beliau tersebut telah berdaftar dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) UKM dengan kod GGPM-2011-062. Kepakaran beliau diiktiraf oleh *Front Line Defenders* (FLD), sebuah badan dengan status khas di *United Nation* iaitu *Consultative Status with Economic and Social Council of the United Nations*.

Faisal Tehrani mulai berminat di dalam bidang penulisan novel dan cerpen sejak berada di bangku sekolah menengah. Di antara novel-novel karya beliau ialah *Cinta Hari-hari Rusuhan* (2000), *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1515* (2002), *Maaf Dari Sorga* (2003), *Detektif Indigo* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Bedar Sukma Bisu* (2007), *Manikam Kalbu* (2007), *Tuhan Manusia* (2007), *Nama Beta Sultan Alauddin* (2007) dan *Tunggu Teduh Dulu* (2008). Manakala hasil karya beliau di dalam genre cerpen ialah *Ketupat Cinta* (2008), *Saatul Ibaad* (2008), *Bahalut* (2010), *Sebongkah Batu di Kuala Berang* (2011), *Ketupat Cinta 2* (2012), *Perempuan Nan Bercinta* (2012) dan *Bagaimana Anyiss Naik Ke Langit* (2014).

Selain itu, Faisal Tehrani juga mempunyai kemahiran dalam penghasilan sajak kerana beliau juga pernah menghasilkan buku himpunan sajak. Beliau juga pernah terlibat di dalam pementasan teater. Antara pementasan teater yang pernah mendapat sentuhan beliau ialah *Misi* dan *Tivi* yang

pernah dipentaskan di seluruh negara melalui kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Disebabkan minat dan komitmen tinggi beliau di dalam penghasilan novel dan cerpen, pelbagai kejayaan telah diraih oleh beliau. Antara kejayaan-kejayaan tersebut ialah memenangi tempat pertama Hadiah Sastera-Utusan Malaysia-Exxon Mobil 2002, Anugerah Buku Negara 2005, Anugerah Seni Negara 2006, Pemenang Sayembara Jubli Emas DBP 2007, Pemenang hadiah Sastera Perdana Malaysia 2006/2007, Pemenang Anugerah Buku Kebangsaan Malaysia 2009, Pemenang Hadiah Sastera Berunsur Islam – Yayasan Pelajaran Islam Malaysia-DBP 2000-2001. Pengiktirafan ke atas novel-novel beliau juga dapat dilihat apabila novel-novel seperti *Bedar Sukma Bisu* (2007), *Perempuan Nan Bercinta* (2012) dan *1515* (2003) yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa asing.

KAEDAH MENGANALISIS DATA

Kaedah menganalisis data menggunakan kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis novel *Profesor* karya Faisal Tehrani. Novel ini telah dibaca sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali oleh pengkaji. Pengkaji juga telah membuat analisis dan kajian terhadap setiap watak dan perwatakan yang terdapat di dalam novel ini bagi memudahkan pemahaman terhadap hala tuju kajian. Kemudian, barulah proses menganalisis data boleh dilakukan dengan membuat gambar rajah yang sesuai dan mudah difahami iaitu berdasarkan kerangka Model Oksidentalisme Hassan Hanafi.

Selain menggunakan kerangka Model Oksidentalisme Hassan Hanafi untuk menganalisis data pengkaji juga menggunakan kaedah analisis teks. Kaedah analisis teks digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti sikap terhadap tradisi lama, sikap terhadap tradisi barat dan sikap terhadap realiti semasa yang terdapat di dalam novel *Profesor* berdasarkan kerangka di dalam rajah 2 (**Lampiran 1**). Melalui kerangka ini, pemahaman terhadap model yang diperkenalkan oleh Hassan Hanafi menjadi lebih mantap dan berkesan di dalam pengkajian terhadap novel ini.

Sikap Terhadap Tradisi Lama

Analisis yang dibuat mendapati wujud beberapa elemen sikap terhadap tradisi lama yang wujud di dalam novel *Profesor*. Elemen tradisi lama dalam novel ini lebih kepada kepatuhan kepada hukum adat dan hukum agama tanpa persoalan dan kajian kerana telah diterima pakai sejak sekian lama.

Emansipasi Wanita

Sikap terhadap tradisi lama di dalam novel ini dapat dikesan apabila penulis menceritakan bagaimana seorang isteri wajib untuk mentaati suaminya walau dalam apa jua keadaan. Hal ini bersamaan dengan tradisi lama yang menganggap isteri merupakan seorang wanita yang bertanggungjawab untuk menguruskan rumah tangga dan melayani keperluan seks suami. Isteri perlu patuh apa jua perintah dan suruhan suami tanpa bantahan. Isteri mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap rumah tangga dengan perkara utama ialah mentaati suami. Layanan yang diberikan terhadap wanita seperti Hashimah oleh suaminya Ustaz Idrus di dalam novel *Profesor* memperlihatkan kewujudan emansipasi wanita. Hal ini dapat dilihat melalui dialog antara Hashimah dan Profesor Suliza. Hashimah:

“Tubuh kau adalah milik kau Hashi, jangan beri jika tidak bersedia. Jangan biar diri disakiti. Jangan biarkan diri kau dibuat apa saja. Perempuan juga manusia yang sama di hadapan Tuhan. Jika kau diperlakukan kejam, maka wajar engkau melawan. Jadilah perempuan yang melawan.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 283)

Emansipasi wanita di dalam novel *Profesor* juga dapat dilihat melalui kata-kata arwah ibunya yang muncul di dalam mimpinya yang menasihati Hashimah agar tidak mengalah dan melawan. Nasihat ibunya ini disebabkan oleh penderaan dan penderitaan yang dialami oleh Hashimah walaupun sebelum ini ibunya digambarkan sebagai seorang yang sangat menggalakan Hashimah mematuhi perintah agama terutamanya di dalam menghormati suami.

“Dia malah terngiang-ngiang bayangan ibunya bersuara, ‘Perempuan mungkin melakukan pelbagai tugas yang mungkin lelaki tidak ada kemampuan: memasak dan mengasuh anak. Tetapi di malam hari ... saat kau meletakkan kepalamu di atas bantal, di sisi lelaki, maka engkau mempunyai kesetaraan”.

(*Profesor*, 2017, hlm. 292)

Emansipasi terhadap wanita sebenarnya tidak boleh berlaku kerana tradisi lama yang dipegang juga telah jelas meletakkan golongan wanita di tempat yang tinggi. Di dalam Islam, golongan wanita dimuliakan berbanding zaman Jahilliyah di mana masyarakat Arab pada zaman itu meletakkan wanita sangat rendah. Islam melalui Al-Quran surah An-Nisaa ayat 19 yang jelas melarang sebarang perlakuan yang keras, penganiayaan dan paksaan terhadap wanita.

Perlakuan Seks Sadis

Teks novel *Profesor* juga sarat dengan tradisi lama yang menggambarkan perlakuan seks sadis atau perlakuan seks ganas yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat tradisi. Perlakuan seks sadis ini biasanya berlaku terhadap golongan wanita atau isteri-isteri yang dizalimi oleh suami sendiri. Perlakuan-perlakuan sadis ini berlaku tanpa ada sebarang tindakan kerana wanita atau isteri malu atau takut untuk melaporkan kepada pihak berkuasa.

Ajaran agama Islam sendiri secara jelas melarang perlakuan yang sebegitu seperti yang terkandung di dalam Surah An-Nisaa ayat 19 dan 25. Namun, perlakuan seks sadis yang memualkan ini digambarkan telah dilakukan oleh suami Hashimah iaitu Ustaz Idrus yang dikatakan sebagai mempunyai ilmu agama yang tinggi dan warak. Malah, Profesor Suliza juga pernah menyarankan kepada Hashimah agar menolak ajakan melakukan seks oleh suaminya Ustaz Idrus jika dia tidak bersedia. Hal ini dianggap sebagai perlakuan seksual yang ganas dan tidak boleh diterima seperti yang terdapat dalam novel.

“Ini berlaku terlalu cepat. Hashimah terjatuh. Idrus menghela Hashimah bagaikan haiwan. Kaki isterinya terkangkang dan Idrus terus menyeret Hashimah ke tengah rumah dengan niat memperkosa. Siku dan lengan Hashimah meleceet.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 292)

Perlakuan seks sadis dan ganas juga boleh dilihat terhadap kejadian rogol yang dilakukan oleh ustaz-ustaz muda ke atas Wan Ros. Mereka tanpa ada belas kasihan telah memperkosa Wan Ros yang lemah dengan ganas seperti yang digambarkan di dalam novel. Perlakuan seks dan rogol ini bukan sahaja tidak dapat diterima oleh agama tetapi juga sangat tidak diterima di dalam masyarakat.

Dia memadam filem yang terbiar tidak dilayani. Wajah Wan Ros kembali, dan wajah Ustaz Haizam meradak Wan Ros dengan ganas selepas mereka tertangkap mandi kolam itu masih kuat meskisudah bertahun-tahun berlalu.

“Ubat jadi lesbian ialah merasa tongkat lelaki”

Dan dia lihat semuanya, mendengar suara sendiri menjerit, memohon supaya Ustaz Haizam berhenti dan mengasihani Wan Ros.
"Ini ubat jadi lesbian. Dapat sekali nak lagi"

(*Profesor*, 2017, hlm. 16)

Perkahwinan Menghalalkan Hubungan

Analisis yang dibuat terhadap novel *Profesor* karya Faisal Tehrani juga mendapati kewujudan elemen sikap terhadap tradisi melalui tujuan perkahwinan. Sikap terhadap tradisi merujuk kepada ketaatan masyarakat terhadap agama dan kepercayaan serta adat dan budaya. Menurut Syeikh Abdullah Basmeih (2002) di dalam tafsir Al-Quran Surah Ar-Rum ayat 21 dan Surah An-Nisaa ayat 25 juga menjelaskan bagaimana perkahwinan merupakan satu tuntutan di dalam agama dan menjadi sunah Rasulullah S.A.W.

Galakan berkahwin dalam agama Islam juga banyak terdapat di dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W. Menurut Abdul Latif Muda (2000), wanita dijadikan oleh Allah S.W.T daripada tulang rusuk yang bengkok dan lelaki iaitu suami perlu membetulkan tulang yang bengkok itu secara berhati-hati. Hal ini selaras dengan hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah, katanya Rasulullah S.A.W bersabda: Sesungguhnya wanita itu umpama tulang rusuk, kiranya engkau berusaha membetulkannya (dengan kasar) engkau menyebabkan ia patah, kiranya engkau membiarkan ia berkeadaan sedemikian ia berterusan bengkok atau bertambah bengkok.

(Huraian hadis-hadis hukum, 2000, hlm. 258)

Terdapat juga hadis-hadis Rasulullah SAW yang lain yang menunjukkan betapa pentingnya istituti kekeluargaan di dalam Islam. Menurut Ismail Kamus (2009) galakan terhadap perkahwinan terhadap orang Islam banyak hadis-hadis Rasulullah S.A.W yang menyeru umat-umatnya untuk berkahwin kerana perkahwinan itu menghalalkan perhubungan seseorang lelaki dengan wanita. Hal ini sebagaimana terkandung di dalam dua buah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari iaitu:

"Wahai para pemuda, sesiapa yang mampu berumah tangga hendaklah ia berkahwin, kerana dengan berbuat demikian dapat menundukkan penglihatan dan memelihara kehormatannya. Sesiapa yang tidak mampu, hendaklah ia berpuasa, justeru puasa dapat mengekang keinginan batiniah (nafsu syahwat)"

(*Indahnya hidup bersyariat*, 2009, hlm, 188)

Di dalam novel ini tujuan perkahwinan dapat dilihat melalui perkahwinan antara Hashimah dan Ustaz Idrus yang telah terlebih dahulu memperkosa Hashimah sebelum mereka berkahwin. Manakala Hashimah dipaksa oleh ibu tirinya untuk berkahwin dengan Ustaz Idrus yang digambarkan sebagai seorang yang warak dan mempunyai ilmu agama yang tinggi. Tujuan perkahwinan yang seterusnya di dalam novel ini adalah selaras dengan kehendak agama:

"Masuk dalam kepala Hashimah bahawa perkahwinan dalam Islam itu mestilah dengan anutan 'tawahud al-zawj' atau prinsip monogamy. Ia lebih adil dan munasabah dari segi praktis. Rumah tangga mestilah berdiri di atas prinsip kerelaan atau 'al-taraadli', juga kesetaraan iaitu 'al-musaawah', kemudian keadilan iaitu 'al-adaalah', menimbangkan kemaslahatan atau 'al-mashlahat' dan keberagamaan dalam rumah iaitu 'al-ta'addudiyah'. Sebuah perkahwinan mestilah mengamalkan 'al-dimuqrathiyah' atau bersikap demokrasi. Hashimah mengerti kini bahawa sebuah perkahwinan wajib bertujuan 'mawaddah' dan 'rahmah' iaitu cinta demi menegakkan unit keluarga yang 'sakiinah' iaitu bahagia sehingga unit-unit itu menyatu dalam masyarakat Islam yang utuh."

(*Profesor*, 2017, hlm. 288)

Perkahwinan juga telah menghalalkan hubungan antara Jebat dan Dalila. Di dalam novel ini digambarkan bagaimana hubungan singkat antara Jebat dan Dalila semasa di Jepun telah membawa mereka ke gerbang perkahwinan untuk menghalalkan hubungan suami isteri walaupun sebelum ini digambarkan kehidupan sosial dan bebas yang pernah dikecapi oleh kedua-dua mereka.

“Dalila tidak pasti apakah dia sudah jatuh cinta. Dan apabila Jebat dengan terus terang menyatakan Saya sukakan awak, tahu-tahu mereka berdua di dalam tren menuju Kobe. Kita nikah di Masjid Kobe. Kita cari hotel. Kita tidur sama, ujar Jebat. Dalila tidak membantah”.

(Profesor, 2017, hlm. 270)

Golongan Homoseksual

Di dalam tradisi lama atau bagi masyarakat Melayu yang berpegang kepada ajaran agama Islam dan adat yang ketat, kedua-dua aspek ini saling melengkapi. Kegagalan mematuhi terhadap salah satu daripada aspek tersebut sangat dipandang hina dan keji. Sama ada pelanggaran terhadap hukum agama mahupun pelanggaran terhadap hukum adat.

Terdapat beberapa perbuatan di dalam Islam yang boleh dianggap sebagai menyekutukan Allah S.W.T seperti syirik dengan mempercayai adanya Tuhan lain selain daripada Allah S.W.T dengan mempercayai dukun, jin, syaitan dan sebagainya yang berkuasa. Perbuatan ini boleh menyebabkan pelaku syirik dan keluar dari agama Islam. Manakala adat pula amat melarang segala perbuatan mungkar, tetapi tidak boleh sampai kepada meletakkan sesuatu hukum.

Perbuatan homoseksual merupakan sesuatu yang menyalahi hukum agama dan nilai kemasyarakatan. Menurut Syeikh Abdullah Basmeih (2002) di dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, di dalam surah Asy-Syuraa ayat 165 dan 166 dengan jelas larangan yang telah diperintahkan oleh Allah terhadap perlakuan seks sejenis.

Laknat Allah dan penghinaan masyarakat telah tersemat di dalam diri masyarakat Melay Islam terhadap perlakuan homoseksual. Novel ini telah memperlihatkan bagaimana sikap terhadap tradisi lama telah menyebabkan Profesor Suliza telah direjam hingga mati oleh masyarakat yang tidak dapat menerima amalan dan perbuatan seks sejenis.

“Perempuan macam apa dia itu pun sukar kita nak hurai. Rambutnya pendek, pakaiannya macam budak lelaki remaja, seluar singkat kasual dan kemeja. Habis jantan. Saya tak nampak pula di di dalam telekung apabila keluar. Tak ada sesiapa yang tarik atau paksa. Dia buka sendiri, dia yang membuka pintu pagar dan jeriji dengan sendiri. Dia sendiri yang beritahu begini, selamba, haji-haji kalau begitu, bolehlah mari lempari batu. Memang saya pendosa. Saya ingin bersih ibarat bayi. Haji-haji berhak buat begitu kepada saya. Saya sudah bosan hidup di dunia”.

(Profesor, 2017, hlm. 176)

Sikap Terhadap Tradisi Barat

Sikap terhadap tradisi barat juga banyak wujud di dalam novel ini. Sikap terhadap tradisi barat di dalam novel ini cuba untuk mempamerkan bagaimana tradisi-tradisi barat juga telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat timur. Ini jelas berbeza dengan pandangan barat melalui model orientalisme yang sentiasa memandang rendah ketamadunan timur. Begitu juga tentang ketamadunan dan amalan-amalan moden seperti pengiktirafan hak asasi manusia yang telah wujud dalam masyarakat timur.

Amalan Perhambaan

Amalan perhambaan sering kali dikaitkan dengan negara yang mundur dan tidak bertamadun. Salah satu faktor kedatangan orientalis barat ke timur adalah disebabkan oleh amalan perhambaan. Barat mahu menghapuskan amalan perhambaan yang menjadi sebahagian budaya masyarakat timur sama ada di Tanah Arab, Tanah Melayu dan Nusantara, Teluk Beggal mahupun timur jauh. Namun, novel ini telah menangkis tomahan barat tentang amalan perhambaan di timur. Menurut novel ini amalan perhambaan telah lama ditinggalkan oleh masyarakat timur. Malahan hak asasi manusia juga telah mula dipertahankan oleh masyarakat timur sebagaimana masyarakat barat. Masyarakat timur telah menerima apa yang dipanggil konsep hak asasi manusia di dalam kehidupan.

“Kita mestilah berubah. Jangan mempertahankan pencabulan hak asasi yang tidak lagi munasabah. Sebagai contoh, satu masa dahulu perhambaan dibenarkan di dunia ini, malah dibenarkan dalam pelbagai agama termasuklah Islam dengan tatacara yang tertantu. Akan tetapi pada hari ini tidak ada lagi perhambaan dijalankan secara legal. Perhambaan dianggap sesuatu yang zalim dan menjijik kan. Negara umat Islam terakhir yang membenarkan perhambaan secara legal dilakukan adalah Arab Saudi yang telah menghapuskannya pada tahun 1960-an.”

(Profesor, 2017, hlm. 112)

Malahan ajaran agama Islam sendiri sebenarnya telah menolak amalan perhambaan sebagaimana yang terkandung di dalam Surah Al-Mukminun ayat 6. Menurut Syeikh Abdullah Basmeih (2002) yang dimaksudkan dengan hamba sahaya di dalam Islam ialah hamba yang terdiri daripada tawanan perang sahaja dan Islam sangat menggalakkan pembebasan hamba-hamba yang masih wujud sejak dari zaman jahiliah. Amalan perhambaan masyarakat Melayu pula lebih kepada perasaan hormat seseorang terhadap pemimpin atau ketua dengan rela hati dan berasa bangga untuk berkhidmat untuk pemimpin.

Hak Asasi Manusia

Apabila membicarakan tentang hak asasi manusia barat akan mendabik dada mengatakan mereka adalah bangsa yang sangat adil dan saksama. Ketamadunan mereka mengiktiraf hak asasi manusia. Pada masa yang sama, barat akan menuduh timur gagal dalam menegak hak asasi manusia. Pandangan barat atau oksidentalisme berkaitan hak asasi manusia terhadap timur sangat negatif. Namun model oksidentalisme telah berjaya menangkis persepsi dan tuduhan barat tentang hak asasi manusia. Di dalam novel ini, terdapat dialog dan catatan yang menyatakan bahawa pengiktirafan terhadap hak asasi manusia telah diamalkan oleh masyarakat timur sejak zaman kuno lagi. Ini dapat dibuktikan melalui dialog antara Prof. Dr. Ali Taqi dan Dalila tentang manuskrip kuno yang diberikan oleh Prof. Ali Taqi kepada Dalila.

“Dalila mengepil kemas dalam buku catatan. Dia tahu, entah mengapa dia dapat merasakan, apa yang diserahkan itu akan menjadi sesuatu yang sangat berharga. Kunci untuk kajian. Tidakkah itu sesuatu yang besar dan hebat? lapis-lapis pengertian, kepanasan jiwa, roh manusia yang dipandu takdir dan hening akal. Dan kini hak asasi manusia tradisional? Inilah buktinya orang Melayu, orang Timur, dari rantau sebelah kita telah punya gagasan hak asasi manusia yang amat sejagat sifatnya.”

(Profesor, 2017, hlm. 123)

Di dalam Islam pula, banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi Muhamad S.A.W yang menceritakan tentang hak asasi manusia. Contoh paling baik ialah Surah Yunus ayat 99 – 101. Menurut Syeikh Abdullah Basmeih (1980), ayat-ayat menceritakan tentang bagaimana Allah S.W.T telah berfirman bahawa para rasul hanya sebagai penyampai dan pendidik. Bukanlah

memaksa untuk seseorang menerima sesuatu kepercayaan. Tugas para rasul mengajak dan mendidik orang ramai melihat bukti-bukti yang ada di langit dan di bumi. Oleh itu, ayat-ayat ini memperlihatkan bagaimana Islam meletakkan hak asasi manusia di dalam pilihan beragama.

Analisis pemikiran Faisal Tehrani di dalam aspek hak asasi manusia dilihat sebagai menerima sepenuhnya konsep hak asasi manusia sejagat. Berdasarkan analisis yang dibuat, Faisal Tehrani telah berulang kali memperlihatkan sikap dan persetujuannya dengan Peristiharan Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR 1948) seperti yang dinyatakan dalam novel tersebut.

“Suliza berfikir, menghimpun maklumat dalam benak, kemudian bersuara yakin, Terdapat sekurang-kurangnya 28 instrumen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa yang memberi peruntukan mengenai kemerdekaan beragama, namun tiada satu covenant yang khusus untuk kemerdekaan beragama. Begini, pada tahun 1976, International Covenant on Civil and Political Rights diterima pakai dan pada Artikel 27 menyatakan serba sedikit kaum minoriti berhak menikmati budaya dan mengamalkan agama masing-masing.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 158)

Penerimaan konsep hak asasi manusia juga ditimbulkan oleh Faisal Tehrani melalui hujah dan penerangan yang diselitkan di dalam novel *Profesor*. Melalui latar belakang tasawur keagamaannya, Faisal Tehrani telah menyelitkan undang-undang dan pandangan Islam tentang hak asasi manusia bagi mengukuhkan penerimaannya itu. Antara contoh yang terdapat di dalam novel ini.

“Suliza tidak faham. Mitra menulis tesis tentang pandangan para ulama terkenal mengenai hak asasi manusia, dan berusaha terkenal mengenai hak asasi manusia dan berusaha mewacanakannya. Kata Mitra, Islam bukanlah agama mengekang. Ayatollah Taleqani, dalam khutbah Jumaat terakhir beliau pada November 1979, iaitu sebelum meninggal dunia menjelaskan bahawa Islam adalah agama yang memberikan ruang kebebasan, malahan matlamat Islam adalah untuk memerdekakan manusia.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 351)

Selain itu, pemikiran Faisal Tehrani juga telah diperkukuhkan lagi dengan hujah-hujah beliau yang diselitkan secara langsung dan tidak langsung melalui watak-watak di dalam novel. Analisis yang dibuat mendapati Faisal Tehrani turut memperkukuhkan hujah dan pemikiran beliau tentang hak asasi manusia melalui watak Jebat, Dalila dan Profesor Ali Taqi. Faisal Tehrani menggunakan watak ini untuk menggambarkan bahawa masyarakat Melayu kuno juga telah mengiktiraf hak asasi manusia sejak beratus tahun dahulu melalui kajian tentang prasasti Tulang Tuo oleh Profesor Dr. Jebat dalam kuliahnya di Jepun.

“Hakikat yang menarik untuk dipertanyakan di sini adalah keempat-empat tunjang UDHR 1948 ini dapat digali sejauh 684 masihi yang lalu. Hak asasi manusia di alam Melayu telah pun dikemukakan seawal 23 Mac 684 Masihi atau 606 Saka oleh Raja Sriwijaya bernama Sri Jayanasa. Ini menjadi satu kenyataan bahawa hak asasi manusia bukanlah satu monopoli malah jauh lebih sejagat sifatnya daripada yang dijangkakan. Sekiranya kita meneliti prasasti tua ini kita akan mendapati hak asasi manusia dapat muncul dalam bentuk, berasaskan Tuhan, belas, moral, logik dan pelbagai lagi. Hak asasi manusia juga mungkin diberi pelbagai nama.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 257)

Keratan Lontara Wajo yang diberikan oleh Prof. Dr. Ali Taqi kepada Dalila pada pertemuan mereka di Geneva juga berkaitan hak asasi manusia di dalam transkripnya. Lontara Wajo merupakan teks kuno merupakan salah satu teks awal yang membuktikan bahawa masyarakat Melayu kuno telah mengiktiraf hak asasi manusia sebelum pihak barat datang menjajah negara-negara timur.

“Dalila mengigil melihat keratan atau helaian Lontara Wajo itu di dalam fail Jebat yang bertanda Kyoto. Inilah yang dicar-carinya selama bertahun-tahun. Kunci kepada kenangan lalu. Kunci kepada kehidupan lampau. Ini adalah masa silam. Lontara Wajo tentang hak manusia.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 232)

Pengiktirafan Golongan Minoriti

Barat sering mendabik dada bahawa mereka pelopor hak asasi manusia. Barat juga sering mengatakan bahawa mereka mengamalkan hak asasi manusia secara total dan pada masa yang sama menuduh negara-negara timur tidak atau kurang mengamalkan dan mengiktiraf hak asasi manusia. Negara-negara timur digambarkan sebagai negara yang mengamalkan pilih kasih terhadap golongan minoriti, menindas golongan minoriti dan sebagainya. Namun begitu, hal ini telah dapat disangkalkan melalui novel *Profesor*. Penulis secara tidak langsung telah menyatakan bahawa negara-negara di timur telah lama mengiktiraf hak asasi manusia. Banyak negara-negara di timur yang telah menandatangani peristiharan deklarasi hak asasi manusia sejagat (*Universal Declarations Human Right 1948 – United Nations*). Selain itu, pengiktirafan terhadap hak asasi manusia yang lain yang wujud di dalam novel ini.

“Suliza berfikir, menghimpun maklumat dalam benak, kemudian bersuara yakin, “Terdapat sekurang-kurangnya 28 instrumen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa yang memberi peruntukan mengenai kemerdekaan beragama, namun tiada satu covenant yang khusus untuk kemerdekaan beragama. Begini, pada tahun 1976, International Covenant on Civil and Political Rights diterima pakai dan pada Artikel 27 menyatakan serba sedikit kaum minoriti berhak menikmati budaya dan mengamalkan agama masing-masing.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 158)

Jelas kepada kita bahawa hampir kesemua negara-negara yang berada di timur telah mengiktiraf konvensyen hak asasi manusia. UDHR telah ditandatangani oleh negara-negara di timur sebagai membuktikan komitmen mereka terhadap isu-isu berkaitan dengan hak asasi manusia. Semua penduduk atau masyarakat dilayan sama rata.

Golongan LGBT

Sikap masyarakat terhadap tradisi barat di dalam novel *Profesor* dapat dilihat apabila Faisal Tehrani banyak berlembut terhadap isu LGBT. Faisal Tehrani yang berimejkan agamawan dan terkait dengan fahaman Syiah sebelum ini telah dilihat sangat mesra dengan isu homoseksual atau LGBT. Hal ini menunjukkan betapa penerimaan beliau terhadap golongan LGBT di bawah label hak asasi manusia dan liberalisme. Perkara ini mungkin berkait dengan *axiological* yang beliau perolehi sebagai ahli akademik dan *epistemik* (pengetahuan) yang ada pada beliau.

Sikap terhadap tradisi barat dalam isu LGBT melalui novel *Profesor* telah dinukilkan melalui watak Prof. Dr. Ali Taqi. Prof. Dr. Ali Taqi dilihat sebagai seorang ahli akademik yang sangat konservatif sebelum ini lewat karya terdahulu Faisal Tehrani iaitu Tuhan Manusia. Melalui watak Prof. Dr. Ali Taqi, Faisal Tehrani telah menunjukkan perubahan yang telah berlaku dari seorang agamawan dan ahli akademik konservatif kepada pejuang hak asasi manusia yang bersimpati dengan isu-isu LGBT. Perkara ini dapat dilihat dalam novel *Profesor* yang menunjukkan simpati dan keterbukaan Prof. Dr. Ali Taqi terhadap LGBT semasa menasihati Dalila.

“Untuk apa kau mengenang segala? Adakah kau mengenang epal kau yang pertama? Atau jika ada, anak patung yang paling mula-mula, tidakkah itu gulau. Tahukah kau dongeng pertama yang kau baca? Adakah kenangan sama sekali tidak kita perlukan. Itu semua tidak akan ditanya di kubur, di dalam kubur.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 244)

Selain itu, banyak situasi dan dialog di dalam novel *Profesor* yang dilihat menyokong LGBT dalam konteks perjuangan hak asasi manusia. Faisal Tehrani telah mengaitkan perlakuan homoseksual yang berlaku secara senyap di Timur Tengah melalui kajian Richard Burton dan Manuela Marin serta kajian Tom Boelsstorff berkaitan homoseksual di alam Melayu.

“Naskah terkenal Richard Burton mengenai seksualiti sebagai contoh menjelaskan perihal ‘zon sotadic’ iaitu kawasan antara latitude utara 30N dan 43N sebagai tempat aktiviti seks sama jenis berlaku secara senyap tetapi berleluasa. Zon Sotadic itu merangkumi Maghribi, Algeria, Tunisia, Libya, Mesir, Syria, seluruh Asia Minor dan Mesopotamia. Zon Sotadic merujuk kepada penyair Greek yang bernama Sotades yang hidup pada abad ketiga sebelum masihi.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 67)

Bagi memperlihatkan kewujudan golongan homoseksual di serata dunia terutamanya di Alam Melayu, Faisal Tehrani telah menyelitkan dapatan daripada kajian-kajian sarjana terdahulu. Pernyataan ini ditambah pula oleh Tom Boellstorff berkaitan isu yang sama di dalam novel *Profesor*.

“Tom Boellstorff pula mengaitkan alam Melayu dengan aktiviti yang sama. Menurut Boellstorff ‘what we find Indonesia ia a gay archipelago and lesbian archipelago’ setelah mengacukan ‘analisis archipelagic terhadap komuniti Jawa, Bali dan Makassar menerusi kajian beliau The Gay Archipelago.’”

(*Profesor*, 2017, hlm. 68)

Sikap Terhadap Realiti

Analisis yang dibuat juga mendapati wujud beberapa elemen sikap terhadap realiti yang wujud di dalam novel *Profesor*. Elemen realiti dalam novel ini memperihalkan tentang realiti kehidupan masyarakat yang tidak lagi terikat dengan tradisi lama yang cuba diangkat melalui novel *Profesor*.

Jenayah Seksual

Di dalam novel ini, perihal perlakuan seksual sememangnya wujud tetapi digarap dengan penuh teliti dan bahasa yang simbolik bagi menjelaskan perkara tersebut kepada khalayak pembaca. Perihal perlakuan seks ini berlaku antara watak-watak di dalam novel sama ada seks normal mahupun perlakuan seks songsang. Perlakuan seks yang dilakukan secara tidak rela oleh mana-mana pihak dianggap sebagai satu jenayah. Terdapat kenyataan dan dialog di dalam novel ini yang merujuk kepada perlakuan seks tanpa kerelaan seperti kejadian rogol Wan Ros oleh ustaz muda dan rogol Hashimah oleh Ustaz Idrus. Kedua-dua kejadian ini merupakan jenayah seksual yang sangat ketara. Namun, novel ini juga menyatakan bahawa suami juga dianggap sebagai perogol seandainya mengadakan hubungan seks tanpa keinginan dan kemahuan isteri.

“Hashimah menelan air liur, selalu dia dihimpit dan ditunggang bila-bila masa sahaja kala ustaz datang selera. Pernah sedang dia sembahyang sunat, ustaz datang menggesel. Sudahnya dia tidak dapat melengkapkan sujud kerana ustaz rakus menebus dari belakang.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 283)

Kejadian jenayah seks telah dinukilkan oleh penulis melalui perlakuan rogol yang dilakukan oleh dua orang ustaz muda ke atas Wan Ros. Kedua-dua orang ustaz muda digambarkan sebagai tidak berperikemanusiaan dan berhati binatang kerana sanggup merogol Wan Ros pelajar mereka sendiri.

Dia memadam filem yang terbiar tidak dilayani. Wajah Wan Ros kembali, dan wajah Ustaz Haizam meradak Wan Ros dengan ganas selepas mereka tertangkap mandi kolam itu masih kuat meski sudah bertahun-tahun berlalu.

“Ubat jadi lesbian ialah merasa tongkat lelaki”

Dan dia lihat semuanya, mendengar suara sendiri menjerit, memohon supaya Ustaz Haizam berhenti dan mengasihani Wan Ros.

“Ini ubat jadi lesbian. Dapat sekali nak lagi”

(*Profesor*, 2017, hlm. 16)

Sebenarnya undang-undang Malaysia juga sangat tegas terhadap kesalahan jenayah. Menurut panel penulis buku undang-undang Malaysia (2015) kesalahan merogol merupakan kesalahan jenayah serius yang perlu disiasat di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan (KK) bagi kejadian rogol, Seksyen 375A KK bagi suami menyebabkan kecederaan bagi tujuan mengadakan hubungan seks, Seksyen 375B KK rogol secara berkumpulan dan Seksyen 376 KK bagi seksaan bagi rogol. Hukuman bagi sabit kesalahan di bawah seksyen ini ialah penjara sehingga 20 tahun dengan 10 kali sebatan atau kedua-duanya sekali. Hal ini membuktikan bahawa realiti masyarakat yang melakukan kesalahan rogol seperti di dalam novel *Profesor* memang wujud dan hukuman yang berat menanti pesalah yang disabitkan kesalahan tersebut.

Kepelbagaian Mahzab dalam Islam

Sebagai seorang umat Islam perkara pertama yang perlu di buat ialah memenuhi lima perkara rukun Islam dan enam perkara rukun iman. Umat Islam juga wajib untuk menjadikan al-Quran dan As-Sunah sebagai panduan di dalam kehidupan harian. Namun begitu, ini tidak menghalang daripada umat Islam untuk memilih mahzab sama ada Syafie, Hambali, Maliki dan Hanafi.

Selain daripada keempat-empat mahzab utama tersebut wujud juga mahzab atau aliran lain seperti syiah dan wahabi. Bagi umat Islam di Malaysia, mereka menjadikan mahzab Syafie iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan selepas berpandukan al-Quran dan hadis/sunah Nabi Muhamad S.A.W. Amat jarang didengari tentang umat Islam berbicara secara terbuka tentang pegangan dan mahzab lain terutamanya di Malaysia. Namun realiti kini, umat Islam di Malaysia tidak lagi kekok atau gusar untuk berbicara tentang mahzab dan pegangan lain di dalam Islam selain Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dan mahzab syafie. Kini, umat Islam di Malaysia melalui novel *Profesor* ini dilihat lebih terbuka.

“Seseorang Wahabi dalam laci (closeted Wahabbist) jarang dikenal orang. Mereka bertindak dalam diam. Wajah yang ‘baby face’ akan memberi kelebihan. Mereka boleh menyamar sebagai progresif, hipster, mendengar lagu Justin Bieber, menyertai apa jua parti dan menyamar sebagai tokoh pendidikan, memakai sarung liberal; tetapi mereka adalah Wahhabi.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 117)

Islam Liberal

Kewujudan elemen Islam liberal sangat jelas dan banyak diterapkan di dalam novel *Profesor* karya Faisal Tehrani ini. Islam liberal yang dimaksudkan ialah kehidupan Islam moden yang telah menerima pengaruh barat di dalam kehidupan. Hal ini bertepatan dengan sikap terhadap realiti di dalam kajian oksidentalisme. Perlakuan Islam Liberal ini memperlihatkan bagaimana realiti kehidupan penganut agama Islam yang kurang mengamalkan carak hidup Islam sebenar dengan berpandukan Al-Quran dan Hadis tetapi lebih banyak mengambil nilai dan corak kehidupan barat.

Penonjolan terhadap imej Islam liberal sangat ketara pada watak-watak utama di dalam novel ini seperti Profesor Suliza, Dalila dan Jebat. Ketiga-tiga mereka dilihat mempunyai kehidupan sosial yang sangat bebas. Profesor Suliza dan Dalila digambarkan sebagai pasangan lesbian manakala Jebat pula digambarkan sebagai seorang lelaki kaki perempuan yang pernah meniduri ramai wanita sebelum berkahwin dengan Dalila. Antara contoh perlakuan Islam liberal di dalam novel *Profesor* ialah bagaimana Dalila boleh tinggal sebilik dengan dua orang lelaki bukan muhrim semasa berada di Berlin.

“Kamar yang diberikan untukku agak rapi, menghadap jalan (ada dua tiang lampu yang menyuluh jalan lengang) dan dua buah pasar raya AktivMarkt. Sudah pun terisi kamar tersebut dengan dua pelajar dari Itali yang baru pulang dari kelab malam. Mereka belum tidur. Malah bilik itu terang benderang. Aku perlu memperkenalkan diri. Joseph (pelajar sains sosial) dan Dominico (pelajar sains politik). Mereka dari selatan Itali. Mereka menelitiku tatkala aku menukar pakaian. Lihatlah, lihat semahu kalian. Aku bercoli, menyalin pakaian yang lebih panas, menukar jeans kepada yang lebih longgar dan naik ke atas katil. Serasa mata mereka menghabisi dan meratah sekujur tubuh. Aku menarik selimut dan menutup mata.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 39)

Begitu juga dengan perihal kehidupan sosial dan bebas yang diamalkan oleh Jebat sebelum ini terutamanya hubungan singkatnya dengan Anna dari Perancis. Jebat telah digambarkan sebagai seorang lelaki hidung belang yang telah meniduri ramai wanita sebelum ini. Hal ini disebabkan nama dan penampilannya yang dikatakan seksi di kalangan wanita-wanita yang telah bersamanya.

“31 tahun lalu. Jebat? Namamu Jebat. Itu nama yang seksi sekali. Nama yang membuatkan perempuan serasa gundik sekali. Kalian bertemu pertama sekali di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Anouk. Sebutan Perancis untuk Anna. Dr. Anna masih belum profesor sewaktu dia datang ke Malaysia menidurimu. Kau boleh panggil aku orientalis. Kuntulanak. Atau sundal. Aku tidak peduli.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 209)

Analisis yang dibuat juga memperlihatkan sikap terhadap tradisi barat novel *Profesor* yang sangat mesra dan pro kepada liberalisme. Hal ini dilihat agak bertentangan dengan tasawur dan zaman seperti yang dianjurkan oleh Model Analisis Oksidentalisme Hassan Hanafi. Latar belakang agama yang kukuh disertakan dengan membesar pada zaman yang masih lagi kuat dengan adat budaya dilihat tidak mampu untuk mengongkong corak pemikiran Faisal Tehrani. Berdasarkan analisis yang dibuat di dalam novel *Profesor*, terdapat banyak contoh-contoh yang menyokong aliran Islam liberal. Hal ini dapat dilihat melalui nota tesis Profesor Mitra.

“Seseorang penganut Islam atau Kristian yang bberiman di Argentina, Brazil, Kanada, dan Eropah harus rela dalam terpaksa menerima kesetaraan dan hak-hak yang diberikan oleh masyarakat yang mereka huni kepada golongan LGBTIQA. Ini kerana LGBTIQA diterima dari setiap sudut nilai moral, ketenteraman awam dan hak-hak manusia yang lain. Suara dan hak penganut Islam dan Kristian di Argentina, Brazil Kanada dan Eropah menjadi kecil dan tidak dominan.”

(*Profesor*, 2017, hlm. 70)

Penyelewengan Golongan Agamawan

Masyarakat Melayu sejak zaman dahulu sangat menghormati dan mengagumi golongan agamawan. Golongan agamawan bagi orang Melayu merupakan orang yang memiliki ilmu agama yang tinggi dan biasanya setaraf dengan ustaz-ustaz, qadhi, mufti, tuan-tuan guru dan ulamak. Mereka sangat dihormati dan disanjung di dalam masyarakat Melayu. Di dalam novel *Profesor*

karya Faisal Tehrani golongan agamawan juga turut ditampilkan. Golongan agamawan yang ditampilkan ini termasuk Ustaz Idrus (suami Hashimah), Ustaz Haron Min (ulama besar), ustaz muda (yang merogol Wan Ros), dan Syekh Yusof al-Makassari di Makassar serta Sheikh Chisti di India.

Golongan agamawan di dalam novel *Profesor* ini sememangnya digambarkan sebagai seorang yang memiliki ilmu agama yang tinggi. Namun begitu, terdapat beberapa orang golongan agama yang ditonjolkan ini telah melakukan penyelewangan terhadap agama dengan bertopengkan pakaian dan ilmu agama yang dimiliki. Hal ini berlaku terhadap Wan Ros yang di rogol oleh dua orang ustaz muda dan Hashimah yang dirogol oleh Ustaz Idrus seperti di dalam novel iaitu:

Dia memadam filem yang terbiar tidak dilayani. Wajah Wan Ros kembali, dan wajah Ustaz Haizam meradak Wan Ros dengan ganas selepas mereka tertangkap mandi kolam itu masih kuat meskisudah bertahun-tahun berlalu.

“Ubat jadi lesbian ialah merasa tongkat lelaki”

Dan dia lihat semuanya, mendengar suara sendiri menjerit, memohon supaya Ustaz Haizam berhenti dan mengasihani Wan Ros.

“Ini ubat jadi lesbian. Dapat sekali nak lagi”

(*Profesor*, 2017, hlm. 16)

Penyelewangan golongan agamawan di dalam novel ini juga dapat dilihat terhadap tindakan Ustaz Idrus yang mengasaskan sebuah pertubuhan pegganas. Ustaz Idrus dan rakan-rakannya menggunakan topeng agama untuk menyebarkan fahaman pegganas mereka dan ini juga dinukilkan di dalam novel.

Hanya sayup-sayup dia dapat mendengar yang Idrus terlibat mengasaskan sebuah stesen radio dari Batam yang pengisiannya mengajar tentang Islam. Dia mendapat tahu stesen radio itu anti Marjusi. Hashimah dicuit rasa pelik juga, sejak bila pula ada Majusi yang harus dimusuhi di Batam? Pernah juga dia mendengar secara tidak sengaja, Idrus dan kawan-kawannya “mahu memasang bunga api cantic di atas langitnya mercu tanda Singapura, di Marina Bay”

(*Profesor*, 2017, hlm. 290)

Penyelewangan yang dilakukan oleh golongan agamawan ini telah memberi tafsiran baharu terhadap realiti semasa sebagaimana yang disarankan di dalam model oksidentalisme. Golongan agamawan tidak lagi berperanan dan bersikap sebagaimana golongan agamawan dahulu dan kedudukan mereka telah semakin merosot. Golongan agamawan tidak lagi sentiasa dipandang mulia disebabkan oleh segelintir daripada yang bersikap songsang dan menghilangkan kepercayaan masyarakat.

Justeru fatwa boleh menjadi fatwas. Ini kerana kaum fasis agama bermaharajelela dan berselindung di sebalik serban, jubah, janggut dan terompah kayu mereka. Suliza menyaran agar kumpulan ulama membaca di luar bidang dan berinteraksi dengan bahagian masyarakat dan menuntut ilmu. Ini kerana masyarakat sudah lebih abstrak dan kompleks, justeru fatwa yang tergopoh-gapah daripada mereka yang tidak ada kelayakan akan dipertikaikan, menimbulkan keresahan dan mendatangkan pertelingkahan dalam masyarakat.

(*Profesor*, 2017, hlm. 354)

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis dan kajian yang dibuat dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah berjaya melihat corak pemikiran Faizal Tehrani di dalam novel *Profesor*. Pemikiran Faizal Tehrani berjaya

dikupas bagi memperlihatkan simpati dan dokongan kuat beliau terhadap isu-isu hak asasi manusia. Hala tuju pemikiran Faizal Tehrani juga dapat dilihat menjurus ke arah liberalisme atau Islam liberal berdasarkan gambaran cerita di dalam novel *Profesor*. Hal ini dilihat amat bertentangan dengan latar belakang pendidikan beliau yang mempunyai asas agama yang kuat sejak dari zaman sekolah serta merupakan pemegang ijazah sarjana muda di dalam bidang syariah. Novel ini sangat ketara menonjolkan pemikiran liberal Faizal Tehrani yang digarap melalui watak-watak di dalam novel tersebut.

Keberanian Faizal Tehrani dan sikap berterus terangnya terhadap hak asasi manusia, LGBT, liberalisme dan sebagainya dilihat bakal mengundang pelbagai cemuhan dan pertentangan daripada masyarakat yang belum bersedia menerima corak pemikiran yang sangat terbuka itu. Hal ini dikhuatiri akan menyebabkan pemikiran beliau yang bebas ini akan tersekat oleh kerana masyarakat yang realitinya konservatif dan terikat dengan nilai keagamaan dan norma-norma budaya yang tinggi tidak akan selesa dengan hasil penulisan beliau. Namun, disebalik kontroversi dan provokasi yang cuba diwujudkan oleh beliau, kita tidak dapat untuk menafikan bahawa Faizal Tehrani sememangnya seorang penulis prolific yang sedang meningkat naik dan berada di kelasnya yang tersendiri. Masyarakat dan kerajaan sewajarnya memberi ruang yang seluas-luasnya kepada penulis seperti beliau untuk terus berkarya asalkan tidak menggugat keharmonian masyarakat dan negara. Pemikiran beliau perlu dikaji dan dibuat analisis kerana tidak semua idea beliau di dalam novel-novel dan penulisan beliau termasuk novel *Profesor* bersifat bertentangan dengan norma dan nilai masyarakat.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa pemikiran Faizal Tehrani boleh dikaji dengan menggunakan Model Oksidentalisme Hassan Hanafi. Di dalam novel *Profesor*, pengkaji mendapati bahawa Faizal Tehrani telah secara langsung dan tidak langsung membuktikan bahawa masyarakat timur telah berjaya bersaing dengan barat di dalam beberapa isu dan perkara. Antaranya yang paling ketara ialah hakikat bahawa masyarakat timur sebenarnya telah mengiktiraf hak asasi manusia sejak ribuan tahun dahulu melalui penemuan prasanti-prasanti kuno dalam tulisan Palawa seperti Lontara Wajo.


RUJUKAN

- Abdul Latif Muda (2000). *Huraian hadis-hadis hukum*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abu Talhah Iqamuddin (2012). *Misteri aneh dan ganjil bukti keagungan Allah*. Batu Caves, Selangor: Pustaka Al-Ehsan.
- Adian Husaini (2005). *Liberalisasi pemikiran homoseksual: Kes Indonesia*. Bogor, Indonesia: Universitas Ibn Khaldun.
- Amir Muhammad (2011). *Bila & Bagaimana & Siapa & Apa-apa*. <http://www.fixi.com.my> (diakses pada 8 November 2018)
- Awang Sariyan (2016). *Asas falsafah dan pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ariffin. (2016). Karya indie umpama grafiti <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-umpama-grafiti-1.205295> (diakses pada 2 Disember 2018)
- Edward W. Said (1978). *Orientalisme*, New York, Amerika Syarikat: Pantheon Books Books
- Faisal Tehrani (2017). *Profesor (Manusia Tuhan)*. Petaling Jaya, Selangor: Buku Fixi Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah Baharom (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Hanafi (2000). *Oksidentalisme Sikap Kita terhadap Tradisi Barat (terj.)*. Jakarta Selatan: P.T. Paramalinda.
- Idries Shah (1989). *Jalan sufi*. Jakarta, Indonesia: P.T Dunia Pustaka Jaya.
- Ismail Kamus dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid (2009). *Indahnya hidup bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.


- Ismail Shafiee Al-Bakabi (2009). *Wanita dan hak kewajibannya di sisi Islam*. Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang: Penerbitan Bakabi.
- Jassin H.B. (1983). *Pengarang Indonesia dan dunianya*. Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia.
- Jawatankuasa Penerbitan Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (2002). *Panduan Ibadah Muslim*. Universiti Utara Malaysia: Pusat Islam UUM.
- Joyce M. Hawkins (2011). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Petaling Jaya, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2012). *Undang-undang Am Malaysia (Jilid III)*. Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2014). *Kanun Keseksaan (Akta 574)*. Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2002). *Akta kesalahan jenayah syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)*.
<https://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal Updated>
- Mahyudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1993). *Sejarah Islam*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohamad Saleeh Rahamad (2014). *Oksidentalisme dalam sastera Melayu: Sebelum Merdeka hingga Era Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd. Nakhaie Hj. Ahmad (2001). *Anjakan sikap dan budaya hidup bangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Moh. Saifulloh (2008). *Hassan Hanafi Dan Mohammad Arkoun: Kritik Metodologi Atas Orientalisme*. Jurnal Sosial Humaniora 1(1), 76-92, 2008.
- Muhamad Nur Adzim Amran dan Ahamad Asmadi Sakat (2015). *Analisis Hadith Mawdu dalam Novel Perempuan Nan Bercinta karya Faisal Tehrani*. Jurnal. halaman 40-54.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnin (2016). *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia*.
http://www.jais.gov.my/sites/default/files//articel_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20indie.pdy(28 July 2016).
- Neil Gaiman (2001). *American Gods*. London, United Kingdoms: William Morrow.
- Nor Hashimah Ismail dan Melor Fauzita Md. Yusof (2016). *Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baharu*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research UUM-UMSIDA, 25-27 Oktober 2016.
- Nor Hashimah Ismail dan Nordiana Ab. Jabar (2017). *Karya Indie: Konflik Remaja Perempuan*. *Journal of Islamic, Social and Development*. Volume: 3 Issue 11 (June 2018).
- Othman Lebar (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan Amalan*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Penasihat Undang-undang MDC (2009). *Perlembagaan persekutuan*. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2012). *Laporan Tahunan 2011*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2018). <http://www.prpm.dbp.gov.my>
- Rokiah Ahmad (1999). *Adat pergaulan menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Rosmah Derak dan Asmiaty Amat (2016). *Perjuangan wanita dalam Novel Surat-surat Perempuan Johor*. Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Halaman 60-78
- Sheikh Abdullah Basmeih (2002). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Qura'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Sidek Baba (2009). *Acuan minda*. Shah Alam, Selangor: Alaf 21 Sendirian Berhad.
- Siti Khariah Mohd. Zubir dan Norol Nizam bin Sarkawi (2011). *Pemikiran Pengarang dalam Novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdul Rashid*: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa. Halaman 147-169.
- Siti Khariah Mohd. Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015). *Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku*: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu. Halaman 140-166.

- Suharti (2005). *Menjinakkan barat dengan oksidentalisme: Gagasan Kiri Islam Hassan Hanafi*. Ulumuna, Volume IX Edisi 16 Nombor 2 Julai-Disember 2005H halaman 355-368.
- Suradi Salim (1996). *Bimbingan dan kaunseling*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Azharul Asriq (2017). *Nabi Luth melawan LGBT, Nabi Syuib Melawan Kapitalis dan Kisah-kisah Lain*. Seri Kembangan, Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Syed Hussein Alatas (2009). *Intelektual masyarakat membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa & Fauzi Hasan (2017). *Novel-novel Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme*. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya: Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 28, 2017. Halaman 262-286
- Wikipedia (2018). *Mohd. Faizal Musa*. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Mohd Faizal Musa](https://ms.wikipedia.org/wiki/Mohd_Faizal_Musa)

LAMPIRAN 1



Rajah 1. Kerangka Model Oksidentalisme Hassan Hanafi.



Rajah 2. Kerangka kajian.

